

11.3.2021_Berita Harian_MOSTI_ 585 bebuli vaksin dikembali

Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan

585 bebuli vaksin dikembali

Pihak Pfizer akan menggantikan semula bilangan dos rosak

Oleh Mohd Amin Jalil
bhnews@bh.com.my

Rembau: Sebanyak 385 bebuli vaksin daripada lebih 500,000 dos vaksin COVID-19 jenis Pfizer-BioNTech yang diterima Malaysia, dikenalpasti kepada syarikat pengeluar itu selepas didapati mengalami kerrosakan.

Menteri Penyelaras Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan, Khairy Jamaluddin, berkata vaksin berkenaan didapati tidak berada dalam suhu sepatutnya ketika dalam proses penghantaran dari kilang di Belgium ke Malaysia.

"Ketika dalam perjalanan dari Belgium ke Malaysia, suhu penyimpanan meningkat daripada negatif 70 derjah Celcius kepada suhu yang tidak diterima oleh pihak Kementerian Kesihatan (KKM).

"Bagaimanapun, kerrosakan bebuli itu adalah dalam kuantiti kecil dan pihak Pfizer akan mengganti semula bilangan dos yang diantar pulang," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas lawatan ke Pusat Pemberian Vaksin, Klinik Kesihatan Rembau di sini, semalam.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Chembong, Datuk Zaifulbahri Idris



Khairy (kiri) meninjau persediaan pemberian suntikan di Pusat Pemberian Vaksin, Klinik Kesihatan Rembau, semalam.

(Foto Azral Edham Mohd Aminuddin/BH)

dan Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan (JKNNS), Datuk Dr Harlina Abdul Rashid.

Khairy yang juga Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, berkata tiada kes kesihatan serius membebikti penerima vaksin dilaporkan setakat ini, melainkan alahan kecil.

Beliau berkata, kebanyakannya kes itu dapat diselesaikan dalam tempoh 24 jam.

Setakat ini, katanya, kira-kira 150,000 individu terutama membabitkan petugas barisan hadapan telah menerima suntikan

vaksin dalam fasa pertama.

"Proses suntikan vaksin fasa pertama ini tidak perlu dipercepatkan kerana kadar sejia ada dianggap terbaik, selain bergantung kepada penjadualan penghantaran dos daripada pembelek."

"Jika jadual penghantaran vaksin dapat dibuat sepenuhnya pada Mac seperti dijanjikan pembekal, maka pada akhir bulan ini kita dapat selesaikan sekurang-kurangnya dos pertama kepada penerima yang tersenaraikan fasa pertama."

"Namun jika ada kelewatian daripada Pfizer, sudah tentu ia akan berganjak ke April," katanya.

Khairy yang juga Ahli Parlimen Rembau menebakkan, pemberian suntikan fasa ketiga dijangka boleh mencapai 150,000 sehari jika pusat imunisasi membabitkan stadium dan dewan orang ramai beroperasi.

Buat masa ini, katanya, apa yang perlu diselesaikan ialah pertugas barisan hadapan.

Beliau berkata, vaksin Sinovac keluaran China dijadual tiba di negara ini, Isnin depan.